

Pelabur kita perlu ambil peluang pertumbuhan pesat ekonomi Laos

Berita Harian 05/06/2010 MS 31

Khaidir
Majid
di Vientiane



LAOS sering dalam catatan penulis Barat diberi jolokan 'negara mudah dilupai'. Namun sejak beberapa tahun lalu apabila ekonominya mula lebih terbuka, negara tanpa sempadan laut ini, melihat perubahan yang amat ketara.

Warga Malaysia, CK Leong sudah berada di negara itu selama sembilan tahun, masih ingat jalan raya di ibu negara, Vientiane hanya dipenuhi teksi tuk tuk. Bagaimanapun, sejak beberapa tahun lalu, kereta mewah – termasuk Cayenne, Lexus dan Hummer – dan kereta sedan serta pacuan empat roda buatan China dan Jepun, mula menambah kepada kesesakan di sini.

Vientiane masih memberi gambaran suasana romantis 1970-an kepada pelawat asing. Malah bagi pelawat Malaysia, ibu kota di tepi sungai Mekong ini, mengingatkan kepada Alor Setar, dua dekad lalu.

Di tepi sungai Mekong bersempadan dengan Thailand, ramai penaja menyusun meja dan kerusi plastik serta memasang khemah untuk mencari rezeki menjual makanan dan cendera hati.

Di pasar pagi dan kompleks belibelah yang sesak dengan pelanggan dan pelancong asing, barangan dari China seperti telefon bimbit dijual dengan harga yang amat murah. Kesibukan harian sejak beberapa tahun lalu adalah hasil pertumbuhan pesat ekonomi Laos.

Tahun lalu saja ekonomi negara anggota Asean ini berkembang 6.4



GAMBAR HIASAN

PELBAGAI barangan kraf tangan masyarakat Laos dijual di 'Morning Market' di Vientiane, ibu kota Laos.

peratus. Tahun ini ia diunjurkan melonjak tujuh peratus dan pada 2011, 7.5 peratus lagi.

Berlatar belakang perkembangan demikian, Datuk Seri Najib Razak pada Rabu dan Khamis lalu mengadakan lawatan rasminya pertama ke Laos sejak memegang jawatan Perdana Menteri April tahun lalu.

Perkembangan pesat Laos semestinya tidak terlepas daripada fikiran Perdana Menteri. Najib dalam ucapan pada forum perniagaan Malaysia-Laos di sini kelmarin, memberitahu kira-kira 500 ahli perniagaan kedua-dua negara, bahawa kerajaan komited menyediakan persekitaran bersesuaian bagi usahawan dari kedua-dua negara untuk merencanakan lagi hubungan perdagangan dan pelaburan.

Ditanya oleh wartawan Malaysia, Najib berkata beliau melihat potensi jangka panjang pelaburan di Laos amat memberangsangkan. Ke-

dudukan Laos yang berjiran dengan pasaran besar seperti Vietnam dan China, serta kos buruh yang rendah (sekitar AS\$80-AS\$100 sebulan), di samping pertumbuhan ekonomi yang pesat, membuat Laos menarik bagi pelabur.

Najib yakin seramai 70 ahli perniagaan yang menyertai rombongannya mampu menghidu banyak peluang perniagaan apabila mengadakan pertemuan dengan rakan niaga mereka dari Laos.

Bagi Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed yang mengiringi Najib pada lawatan ini, Laos turut menjadi menarik sebagai tapak pembuatan pelbagai produk berikutan statusnya sebagai negara kurang membangun (LDC).

"Status berkenaan bermakna barangan buatan Laos, kecuali senjata, boleh memasuki pasaran Kesatuan Eropah tanpa duti dan kuo-

ta. Berikutan itu industri seperti tekstil dan pakaian banyak menggunakan tenaga buruh menarik ditempatkan di sini," kata Mustapa.

Selain sektor pembuatan, Mustapa berkata syarikat Malaysia perlu melihat potensi sektor pelancongan di Laos, berikutan jumlah kedatangan pelancong ke negara itu, sudah meningkat kepada dua juta orang setahun, kebanyakannya dari Thailand, Korea dan Jepun.

Beliau berkata syarikat Malaysia mungkin perlu melihat peluang untuk membangun tempat penginapan dan produk pelancongan di Laos. Malah usaha ini sudah bermula enam tahun lalu apabila seorang usahawan Malaysia dari Seremban membina Palace Don Chan di Vientiane, hotel dan pusat konvensyen lima bintang pertama di ibu kota Laos ini yang menjadi penginapan Najib dan rombongannya.

Rangsangan diberi Perdana Men-

teri bukan hanya menggalakkan ahli perniagaan Malaysia yang menyertai rombongannya mencari peluang perniagaan di Laos.

Malah, warga Malaysia yang sudah lama menginap di sini turut terbuka hati berniaga. CK Leong Kini bekerja dengan sebuah syarikat di sini berkata beliau sedang meninjau peluang perniagaan.

Chong Yap Fong dari myLao-enterprise pula mahu memulakan perniagaan pelancongan dengan sasaran membawa pelancong Muslim ke sini. 'Laos banyak menawarkan tempat menarik untuk kunjungan. Di samping itu, pelancong Muslim tidak akan berasa kesukaran dengan restoran halal juga banyak di negara ini,' katanya.

Vientiane sendiri mempunyai beberapa restoran India Muslim dengan Fathima dan Nazim di jalan Fa-Ngum. Chong berkata beliau juga mahu membangunkan produk pelancongan golf bagi peminat sukan itu di Malaysia.

Keghairahan usahawan Malaysia melabur di negara ini jelas kelihatan di kalangan ahli rombongan Perdana Menteri selepas mendapati kerajaan dan penduduk Laos senang dengan kehadiran rakyat kita.

Bagaimanapun, Najib mengingatkan warga Malaysia agar tidak mencemari imej baik negara dan rakyat Malaysia ini terbabit dalam kegiatan yang melanggar undang-undang negara sosialis ini.

Malaysia dan Laos kedua-duanya komited untuk menyaksikan hubungan dua hala terus berkembang pesat dan menurut Perdana Menteri Laos, Bouasone Bouphavanh beliau berharap ia berkekalan selama-lamanya.